



NEGERI SABAH

[C.401/329/Pt.2/34]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.1/1988

ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyeragamkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan bagi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung Malaysia atau di Sarawak.

2. TAKRIF

- 2.1 Wilayah" ertinya Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak,
- 2.2 "wilayah asal" ertinya Kota Kinabalu.
- 2.3 "pegawai yang bertukar wilayah" ertinya pegawai yang berasal dari Sabah yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung Malaysia atau. di Sarawak.
- 2.4 "keluarga" menyatakan taraf pegawai yang telah berkahwin dan "ahli keluarga" ertinya suami atau isteri dan anak-anak pegawai.

3. ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

Seseorang pegawai yang bertukar wilayah adalah layak menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan berikut:

- 3.1 Elaun Wilayah atas kadar yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.2 Kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal dua tahun sekali.
- 3.3 Kemudahan rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan tertakluk kepada had kadar sewa yang ditetapkan.
- 3.4 Elaun dan kemudahan lain yang sedang berkuatkuasa yang tidak dibatalkan oleh Pekeliling Perkhidmatan ini

4. KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

- 4.1 Pegawai yang bertukar wilayah adalah layak menikmati kemudahan tambang kapal terbang atau Feri Malaysia yang dibiayai sepenuhnya di bawah vot Jabatan masing-masing untuk pegawai dan ahli-ahli keluarganya bagi mengunjungi wilayah asal dua tahun sekali sepanjang tempoh penempatan pegawai di wilayah. Kemudahan ini hanya boleh diambil selepas 9 bulan penempatan atau sebelum tamatnya tempoh penempatan pegawai. Kemudahan ini tidak boleh dikumpulkan atau dibawa ke hadapan. Kemudahan tambang hanya meliputi tambang yang

sebenar dan tidak termasuk tuntutan-tuntutan lain seperti lojing/hotel, elaun makan ataupun tambano, teksi dan sebagainya.

- 4.2 Pegawai yang dibenarkan bertukar wilayah atas kehendak diri sendiri atau atas sebab-sebab peribadi atau kerana hendak mengikuti suami atau isteri tidak layak menuntut kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal.
- 4.3 Pegawai yang layak mendapat kemudahan lawatan dengan timbang percuma . di bawah Perintah Am Negeri Sabah 65, Bahagian B yang bertukar Wilayah juga tidak layak menuntut kernudahan tambang mengunjungi wilayah asal.
- 4.4 Bagi permohonan tambang mengunjungi wilayah asal. yang akan dibiayai di bawah vot Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri, tuntutan, seperti ini hendaklah diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

5. KEMUDAHAN RUMAH KERAJAAN ATAU RUMAH YANG DISEWA OLEH KERAJAAN

- 5.1 Seseorang pegawai yang bertukar wilayah boleh memohon untuk diperuntukkan rumah sewa Kerajaan menggiikut kelas rumah yang dia layak dan tertakluk kepada kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri dan had kadar sewa rumah yang ditetapkan seperti di larnpiran-lampiran:

Had Kadar Sewa Rumah

Lampiran

Semenanjung Malaysia

"A"

Sarawak

"B"

- 5.2 Pegawai yang dibenarkan bertukar wilayah atas kehendak diri sendiri atau atas sebab-sebab peribadi atau kerana hendak mengikuti suami atau isteri tidak layak menuntut kemudahan rumah.

6. PEMBATALAN ELAUN PENEMPATAN KHAS

Mulai dari tarikh kuatkuasa, Elaun Penempatan Khas adalah dengan ini ditarik balik dan dibatalkan. Hanya pegawai-pegawai yang sedang menerima Elaun Penempatan Khas atas syarat-syarat dan kadar sekarang adalah dibenarkan terus menerimanya secara khas untuk penyandang sehingga tamat tempoh penempatan mereka. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang dibenarkan menerima Elaun Penempatan Khas itu tidak akan layak menikmati kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal yang diperuntukkan di perenggan 4 di atas.

7. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 1988.

8. PINDAAN KEPADA PERINTAH AM NEGERI SABAH, 1982

Pindaan yang perlu kepada PANS. 40 dan PANS. 32 dalam Bahagian B, Perintah Am Negeri Sabah, 1982 akan dibuat dengan kuatkuasa kebelakang mulai dari tarikh berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini.

9. PERLANJUTAN PEMAKAIAN

Peruntukan-peruntukan di dalam. Pekeliling Perkhidmatan ini boleh juga dipakai bagi pegawai-pegawai Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan Negeri yang terlibat dalam pertukaran wilayah.

10. Am

Jika terdapat sebarang keraguan maka penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Bahagian Gaji, Elaun dan Pencen.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

(DATUK SIMON P. SIPAUN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

JABATAN KETUA MENTERI,
88502 KOTA KINABALU.

Tarikh: 30 Disember 1988

s.k. Bendahari Negeri, KOTA I KINABALU.
Pengarah Audit, KOTA KINABALU.

LAMPIRAN "A"

Had Kadar Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai Sabah yang bertugas di Semenanjung Malaysia.

ZON TENGAH	=	Wilayah Persekutuan, Selangor
ZON UTARA	=	Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak
ZON SELATAN	=	Negeri Sembilan, Melaka dan Johor
ZON TIMUR	=	Kelantan, Terengganu dan Pahang

KUMPULAN A

		<i>Zon Utara</i>		
		<i>Zon Tengah</i>	<i>dan Selatan</i>	<i>Zon Timur</i>
"Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas	\$ 1,000 s.b.	\$650 s.b.	\$500 s.b.
"Tingkatan Tertinggi "G" hingga "E"	\$ 750 s.b.	\$490 s.b.	\$375 s.b.
Tingkatan Kanan	\$ 600 s.b.	\$390 s.b.	\$300 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 550 s.b.	\$360 s.b.	\$275 s.b.

KUMPULAN B

Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 450 s.b.	\$300 s.b.	\$225 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 400 s.b.	\$260 s.b.	\$200 s.b.

KUMPULAN C

Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 375 s.b.	\$250 s.b.	\$190 s.b.
Tingkatan Diasa	\$ 350 s.b.	\$230 s.b.	\$180 s.b.

KUMPULAN D

Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 325 s.b.	\$210 s.b.	\$165 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 300 s.b.	\$195 s.b.	\$150 s.b.

*Di mana Elaun Bantuan Sewa Rumah yang dilayaki adalah lebih tinggi daripada had kadar sewa yang ditetapkan, maka pegawai adalah diberi pilihan samai ada hendak terus menerima Elaun Bantuan Sewa Rumah yang sedang dinikmati ataupun menduduki rumah yang disewa oleh Kerajaan tertakluk kepada had kadar sewa yang ditetapkan itu.

Had Kadar Sewa. Rumah bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di Sarawak (Termasuk Bintulu)

<i>Kumpulan</i>	<i>Kadar</i>
KUMPULAN A	
Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas	\$1,000 sebulan
Tingkatan Tertinggi "G" hingga "E"	\$ 750 sebulan
Tingkatan Kanan	\$ 600 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 550 sebulan
KUMPULAN B	
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 450 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 400 sebulan
KUMPULAN C	
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 375 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 350 sebulan
KUMPULAN D	
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 325 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 300 sebulan